

Pendidikan kewangan bantu rakyat Malaysia hadapi krisis kewangan

KOLUMNIS

Oleh PROF. MADYA
 DR. MOHAMAD FAZLI SABRI
 Ketua Jabatan Pengurusan Sumber
 dan Pengajian Pengguna
 Fakulti Ekologi Manusia
 Universiti Putra Malaysia



APORAN yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) baru-baru ini menunjukkan, hutang isi rumah di Malaysia antara yang tertinggi di Asia iaitu 89.9 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau bersamaan RM1.086 trilion.

Berdasarkan jumlah hutang isi rumah sebanyak ini, kita boleh memiliki dua juta buah rumah di kawasan bandar yang berharga sekitar RM500,000.

Malah, jika dikira kepada statistik bahawa rakyat Malaysia yang bekerja pada tahun 2016 adalah seramai 22 juta orang, ia bermakna, setiap rakyat Malaysia secara purata mempunyai bebanan hutang sebanyak RM45,454.55 seorang.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) mendedahkan, sejak ditubuhkan pada tahun 2006 sehingga 28 Februari 2017, seramai 539,776 pelanggan telah mendapatkan khidmat kaunseling dan 175,336 daripadanya berjaya dibantu melalui Program Pengurusan Kredit AKPK.

Menurut agensi itu, antara punca utama yang menyebabkan berlakunya masalah kewangan adalah perancangan kewangan yang lemah.

Statistik Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pula menunjukkan, sehingga September 2016, seramai 739,087 peminjam tidak pernah membuat bayaran balik dan jumlah bayaran tertunggak sebanyak RM5.2 bilion.

Sementara itu, laporan Jabatan Insolvensi Malaysia menunjukkan, seramai 18,457 orang diisytiharkan mufis pada tahun 2015.

Tiga sebab utama kebangkrutan adalah pinjaman peribadi (28.3 peratus), pinjaman sewa beli kenderaan (25.6 peratus) dan pinjaman perumahan (13.6 peratus).



RAMAI dalam kalangan pekerja muda di negara ini dikesan mengalami masalah keberhutangan sehingga membawa kepada mufis. - Gambar hiasan

Jabatan itu turut mendedahkan, tiga sebab utama peminjam gagal untuk membayar hutang adalah pengurusan kewangan yang lemah, tidak mengetahui mengenai hutang dan krisis ekonomi.

Statistik itu jelas menunjukkan bahawa rakyat Malaysia secara umumnya mempunyai bebanan hutang yang tinggi dan perkara tersebut perlu ditangani segera agar tidak menjadi lebih kronik.

Literasi

Jika diperhalusi, masalah hutang ini sebenarnya banyak disumbangkan oleh faktor diri sendiri seperti kurangnya pengetahuan (literasi) berkaitan perancangan dan pengurusan kewangan, sikap ambil mudah terhadap hutang, terlalu mementingkan kebendaan, sikap tamak dan ingin cepat kaya serta amalan tidak berhempah dalam berbelanja berbanding faktor luaran yang sukar dikawal, misalnya krisis ekonomi global.

Justeru, akses kepada pendidikan kewangan dilihat sebagai salah satu strategi yang mampu untuk membantu rakyat Malaysia menghadapi krisis kewangan peribadi dan keluarga yang kini semakin parah.

Terdapat pelbagai agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan yang secara langsung atau tidak langsung menyediakan serta mengendalikan program-program pendidikan kewangan yang bertujuan untuk meningkatkan tahap literasi

kewangan rakyat Malaysia.

Ia termasuklah AKPK yang ditubuhkan hasil inisiatif pihak BNM.

Malah, BNM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah melaksanakan modul penerapan pendidikan kewangan kepada murid-murid di sekolah rendah serta menengah.

Malah, pelbagai pihak lain seperti Malaysian Financial Planning Council (MFPC), Financial Planning Association of Malaysia (FPAM), Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia (MACFEA) turut menawarkan program pendidikan kewangan yang tersendiri.

Walaupun pelbagai program telah dirangka, persoalannya, sejauh mana anggota masyarakat menyedari akan kewujudan program pendidikan kewangan yang ditawarkan dan adakah mereka mengambil inisiatif untuk melengkap diri dengan pengetahuan serta kemahiran berkaitan dengan pengurusan kewangan peribadi dan keluarga?

Pendidikan kewangan sewajarnya dijadikan sebagai pembelajaran sepanjang hayat dalam kehidupan seseorang individu.

Malah, banyak sarjana yang menjalankan kajian lalu bersetuju bahawa pendidikan kewangan seharusnya bermula di rumah dengan ibu bapa merupakan individu terpenting yang mencorak nilai, sikap serta

tingkah laku kewangan anak-anak.

Ia kemudiannya perlu diperkukuhkan melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum di peringkat sekolah seterusnya ke institusi pengajian tinggi (IPT).

Kita patut bersyukur kerana di negara ini, usaha itu telah dilakukan oleh BNM dan KPM dengan memperkenalkan elemen pendidikan kewangan dalam subjek tertentu pada peringkat sekolah rendah serta menengah.

Pada peringkat IPT pula, kerajaan dengan kerjasama AKPK telah menguruskan modul pengurusan kewangan sebagai subjek pilihan di 52 IPT awam dan swasta selain 30 buah politeknik.

Terbantut

Namun, usaha itu dilihat seakan-akan terbantut selepas pelajar memulakan kerjaya kerana tidak semua pihak majikan ada menyedia dan menganjurkan program pendidikan kewangan untuk kebajikan kakitangan mereka.

Situasi itu mungkin menjadi penyumbang kepada masalah ramai dalam kalangan pekerja muda dikesan mengalami masalah keberhutangan sehingga membawa kepada mufis.

Sehubungan itu, pihak majikan perlu mengambil langkah proaktif dengan menyediakan program dan aktiviti berkaitan pendidikan kewangan di tempat kerja.

Pendidikan kewangan juga harus mengambil kira kumpulan sasaran yang kurang mendapat perhatian dalam masyarakat, misalnya mereka yang tidak bekerja atau diberhentikan kerja, kumpulan minoriti dan *socially disadvantaged*.

Melihat kepada betapa pentingnya isu ini, maka penulis ingin mencadangkan agar kursus berkaitan dengan pendidikan kewangan dijadikan subjek wajib bagi semua pelajar IPT awam dan swasta.

Ia secara tidak langsung dapat membantu mereka untuk mengurus wang biasiswa dan pinjaman pendidikan yang diterima dengan lebih berhempah selain sebagai persediaan sebelum melangkah ke alam pekerjaan.